

Rang Undang-undang Antilompat Parti Hanya 'Gempak Politik - Ketua Wanita Umno Bernama
02 November, 2012

GEORGE TOWN, 2 Nov (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil menyifatkan langkah kerajaan negeri Pulau Pinang meluluskan rang undang-undang antilompat parti sebagai gimik dan sandiwara politik menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13.

Beliau berkata sebenarnya ia merupakan cubaan Ketua Menteri Lim Guan Eng untuk menimbulkan sesuatu isu.

"Itu semua gempak politik, sandiwara Guan Eng...dia cari macam-macam isu... nak mempopularkan diri dia sendiri," katanya kepada pemberita selepas melawat rumah ibu tunggal, M Sithalachemy, 57, di Sungai Ara, dekat sini Jumaat.

Semalam, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang meluluskan rang undang-undang 'Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012' bertujuan membanteras amalan melompat parti untuk mendapatkan habuan.

Rang undang-undang itu memperuntukkan seseorang anggota dewan yang telah dipilih sebagai calon sesebuah parti politik hendaklah mengosongkan kerusinya sekiranya dia melepaskan atau dilucutkan keanggotaannya atau berhenti daripada menjadi anggota parti politik tersebut atas apa-apa juga sebab.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706663>